



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

SEMAIKAN SEMANGAT MUHIBAH: NGA KOR MING TURUN PADANG RAIKAN TAHUN BARU CINA BERSAMA WARGA KPKT

PUTRAJAYA, 13 FEBRUARI 2026 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming hari ini meluangkan masa menyantuni warga kerja Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam **Majlis Sentuhan Kasih Muhibah Sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2026**.

Majlis berlangsung penuh meriah di pekarangan KPKT dengan tema **Sentuhan Kasih Muhibah** sebagai simbolik kepada semangat perpaduan, keharmonian dan kepelbagaian budaya yang menjadi teras kekuatan negara.

Kehadiran YB Nga yang membawa **buah tangan tradisi iaitu limau mandarin** disambut dengan penuh kegembiraan oleh warga KPKT daripada pelbagai latar belakang kaum. Kemeriahan majlis diserikan lagi dengan lagu-lagu Tahun Baharu Cina yang membangkitkan keceriaan, sekali gus menyemarakkan lagi semangat kebersamaan dalam kalangan warga KPKT.

Sebagai tanda penghargaan dan simbol kemakmuran, **YB Nga mengagihkan sebanyak 500 kotak limau mandarin** kepada seluruh warga kementerian. Agihan ini membawa harapan agar semangat tahun baharu ini menyuntik keceriaan serta mengeratkan lagi silaturahim sesama warga kerja dalam melaksanakan amanah kepada rakyat.

Dalam ucapan ringkasnya, YB Nga Kor Ming menegaskan bahawa kepelbagaian budaya di dalam organisasi kerajaan adalah kekuatan utama dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Majlis hari ini adalah cerminan tekad kita dalam meraikan kepelbagaian yang menjadi kekuatan Malaysia. Di KPKT, setiap perayaan disambut dengan semangat kebersamaan demi menjalinkan silaturahim yang lebih erat serta memperkukuh semangat persaudaraan sesama warga kerja tanpa mengira latar belakang.

"Melangkah ke Tahun Kuda ini, membawa simbolik keberanian dan kegagahan yang amat signifikan. Saya menyeru agar semangat ini diterjemahkan melalui simbolik tekun bekerja dan dedikasi tinggi dalam melaksanakan amanah kepada rakyat".

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar beramai-ramai melambangkan semangat **'Stronger Together'** yang utuh. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, barisan pengurusan tertinggi serta warga kerja kementerian.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

